

# ORANG ISLAM YANG TERKEMUKA

## ‘Amru ibn Jamūh dan ‘Abdullāh ibn ‘Amru

Saudara-saudara tentu telah mendengar riwayat seorang bangsawan Bani Salamah yang telah dipermainkan oleh kaumnya di dalam kecintaannya kepada berhala sehingga akhirnya terfikir olehnya akan sesianya menyembah berhala dan kemudian masuk Islam. Bangsawan Bani Salamah ini ialah ‘Amru wabnu Jamūh iaitu seorang sahabat yang akhir telah syahid di dalam perjuangan yang hebat di peperangan Uḥud mempertahankan junjungan kita Muḥammad (SAW).

Dengarlah riwayatnya yang bersejarah dan hebat yang penuh dengan jiwa tauhid – berhajat mati di jalan Allah walau sekalipun kepadanya ada kelapangan untuk tidak masuk berjuang di medan perang. Dengarlah:

Apabila angkatan orang-orang Madinah (masa itu bernama Yathrib) pulang dari Mekah kerana ziarah dan hadir dalam perayaan Awkāz yang diadakan setahun sekali di sana; ‘Amru ibn Jamūh adalah orang yang sangat rindu kepada anaknya yang bernama Mu‘ādh dan sahabat akrabnya, ‘Abdullāh ibn ‘Amru ibn Haram.

Kemudian apakala didengarnya berita kedatangan mereka itu maka ‘Amru, orang ketua yang pincang itu pergi keluar kota Madinah menyambut kedatangan mereka tetapi alangkah terperanjatnya ia bahawa kerinduannya itu tidak dibalas oleh kedua mereka yang dinanti-nantinya itu bahkan kedua-dua mereka itu telah berubah – berubah dari keadaan biasa – mereka seakan-akan menyingkirkan diri daripadanya.

Ia hairan mengapa ‘Abdullāh ibn ‘Amru, sahabatnya yang disangkanya masih menyembah berhala itu tidak mahu menjumpainya – dan ia dengan sifatnya sebagai ketua Bani Salamah, tidak lagi dihormati oleh pemuda-pemuda yang datang dari Mekah bahkan anaknya sendiri berbuat demikian.

Rupanya sebelum pergi ke Mekah itu ‘Amru dan Mu‘ādh sebenarnya belum mengetahui bahawa pemimpin Bani Salamah, Ka‘ab ibn Mālik, telah memeluk agama Islam. Pada suatu masa ia berjumpa dengan ‘Abdullāh ibn ‘Amru lalu berkata: Yā Abā Jābir (gelaran ‘Abdullāh), tuan adalah pemimpin dan bangsawan kami. Kerana itu kami tidak senang kalau tuan menjadi sasaran serbu kusulitan, sebab tuan masih menyembah berhala. Adakah tuan bersedia kalau kami mengajak tuan untuk masuk ke dalam agama Islam?))

Dengan ajakan Ka‘ab terbukalah hati ‘Abdullāh ibn ‘Amru menerima ajaran Islam. Yang demikian itu tidak

diketahui oleh sahabatnya ‘Amru ibn Jamūh.

Inilah yang menyebabkan ‘Amru ibn Jamūh bingung melihat telatah sebahagian orang kepadanya dan ia tidak mengetahui apa yang terjadi di sebalik tabir itu sehingga terbitnya *bay‘ah al-‘aqabah* yang kedua. Bahkan ia tidak menyedari bahawa al-Bara’ ibn Maqrūr, pemimpin Bani Salamah ialah orang yang pertama menjabat tangan Rasulullah di dalam *bay‘ah* (perjanjian) itu yang telah bersetia dengan Nabi Muḥammad (SAW) tatkala menerima sabdanya: (Bersediakah tuan-tuan membela saya sebagai tuan-tuan membela keluarga tuan-tuan sendiri?))

((Bahkan, ya junjunganku) – sahut al-Bara’:

((Demi Allah, sesungguhnya kami akan membela engkau sebagaimana kami membela anak isteri kami. Kami ini adalah ahli-ahli peperangan, pengetahuan yang kami warisi dari nenek moyang kami. Kami berikrar akan menjadikan diri kami tentera Allah....))

Setelah al-Bara’ maka bersetia pula ‘Abdullāh ibn ‘Amru dan Mu‘ādh ibn ‘Amru ibn Jamūh yang kemudiannya diikuti oleh lain-lainnya dalam *bay‘ah al-‘aqabah* yang kedua ini. Ini tidak diketahuinya sudah tentu ia tidak hairan kepada perubahan ini. Tetapi akhirnya hal ini diketahuinya dan dengan perasaan patah hati baliklah ia ke rumahnya dan untuk mencari ketenangan maka ia melakukan pujaan berhalanya yang didirikan olehnya di tengah-tengah rumahnya.

Tiap-tiap malam setelah memuja berhala ia pun tidur dengan lelapnya dan dalam masa senyap sunyi beberapa orang pemuda dari Bani Salamah, di antaranya Mu‘ādh ibn Jabal, puteranya – dan lain-lainnya. Mereka bersama-sama Mengambil berhala pujaan ‘Amru ibn Jamūh, dibawanya

keluar dicampakkan mereka ke dalam tempat najis orang-orang kampung di situ, kemudian mereka tidur semula.

Esoknya apabila ‘Amru hendak memuja berhalanya alangkah terkejutnya ia kerana mendapati berhalanya telah tidak ada lagi. Dicarinya ke sana sini akhirnya setelah penat didapatinya berhalanya terletak di dalam lubang najis. Berhala itu diambil dan dibersihkannya semula dan diberinya bau-bauan lalu dipujanya lagi.

Ia memberi amaran kepada kaumnya bahawa ia akan melakukan pembalasan kepada sesiapa yang didapati berani menista tuhannya itu.

Tetapi malang baginya malam esoknya berlaku lagi peristiwa itu dan demikianlah berlaku berturut-turut beberapa malam sehingga ‘Amru ibn Jamūh naik berang. Maka pada suatu pagi diangkatnya berhala itu dari tempat najis dan setelah dicuci dan diberinya bau-bauan patung itu didirikannya semula dan di pinggangnya diletakkannya pedang. Kemudian ia berkata:

((Demi Tuhan, sesungguhnya saya tidak mengetahui siapa yang telah berbuat nista kepadamu. Jika benar pada engkau kebaikan dan kebenaran, maka bunuhlah orang yang membuat nista itu dan ini pedang telahku sediakan kerananya.))

Tetapi apakah yang berlaku pada esoknya? Berhala itu hilang lagi. Dicarinya didapatinya di tempat yang biasa tetapi keadaannya lain daripada dahulu. Selain terletak di tempat najis di lehernya tergantung pula bangkai seekor anjing. Setelah diangkatnya dari tempat najis itu maka ia telah memandang benci kepadanya kerana telah terfikir olehnya betapa sesianya ia dengan perbuatan-perbuatannya yang telah lalu. Kerana itu maka dihadapinya kaumnya yang telah memeluk

agama Islam dan ia pun memeluk agama Islam. Dengan kejadian itu terjawablah segala kemusykilan dirinya dan kerana itulah anak-anak dan isterinya pun telah memeluk agama Islam, dan dengan itu pula bergaullah semula ia dengan sahabat dan kaumnya di dalam satu persaudaraan untuk membela agama Allah, dengan cita-cita dan tujuan-tujuan supaya mereka syahid di dalam medan pertempuran untuk menegakkan kalimah Tuhan.

\* \* \*

Dengan persaudaraan itu maka ‘Abdullāh ibn ‘Amru bersama-sama dengan ‘Amru ibn Jamūh pergi ke medan perang untuk membela agama Allah. Pemergian ini telah menerbitkan kekecewaan ‘Amru ibn Jamūh, ia kecewa bukan kerana anaknya pergi berperang tetapi kecewa ia sendiri tidak dapat bersama-sama berjuang dengan mereka untuk membela agama Allah supaya menjadi syuhada yang terlukis di dalam sejarah perkembangan Islam.

Anak-anaknya menegah ia pergi berperang sama kerana kakinya sebelah pincang dan Islam membenarkan ia tidak masuk perang. Kesal sungguh hatinya kerana kecederaan badannya yang menghalang ia masuk ke medan perang!

Perang pertama selesai. Kaum Muslimin menang tetapi di dalam kemenangan itu ada di antara mereka itu yang pergi untuk selama-lamanya – tidak kembali – mereka pergi kepada Tuhannya yang memberi syurga kepada orang-orang yang mengorbankan nyawa dan hartanya kepada jalan Allah.

\* \* \*

Tetapi bagi ‘Amru ibn Jamūh tidak putus harap untuk bersama-sama sahabat-sahabatnya merebut syurga

yang dijanjikan Tuhan! Perang Uḥud berlaku. Ini satu peluang yang besar kepadanya untuk kembali kepada keredhaan Ilahi. Jiwanya untuk merebut syahid telah bernyala-nyala di dalam dadanya. Rindunya berjumpa dengan sahabat-sahabatnya yang mendapat keredhaan Tuhan itu telah menjadikannya lupa kepada kecederaan kakinya. Kepada anak-anaknya ia mengatakan dengan nyata: ((Kalau untuk pergi Badar kemudian kamu tegah aku pergi bersama-sama tetapi sekarang untuk ke medan perang Uḥud aku tidak mahu lagi kamu halang-halangi.))

((Allah telah memberi kelapangan kepada ayahanda untuk tidak pergi ke medan perang)) – jawab anak-anaknya.

‘Amru tidak menghiraukan usaha anak-anaknya menegahnyanya masuk ke medan perang! Ia terus mengadap Rasulullah (SAW) maka sesampainya dengan tegas ia berkata:

((Ya Rasulullah, anak-anak saya cuba hendak menahan aku sekali lagi untuk menyertai tuan ke jalan Allah. Demi Allah, saya berkhasrat hendak memasuki syurga dengan kaki saya yang pincang ini.))

((Allah membolehkan tuan tidak sama-sama berperang)) – jawab Nabi memujuknya.

Tetapi ‘Amru akhirnya berpaling kepada anak-anaknya yang menyertainya ke tempat Rasulullah (SAW) lalu berkata: ((Kamu tidak berhak menegah aku pergi berperang pada jalan Allah. Sekarang aku akan berangkat ke medan perang, dan aku berharap semoga Allah akan mengurniakan aku syahid di dalam medan ini....))

‘Amru balik ke rumahnya kerana berlengkap dan bersiap-sedia. Diambilnya senjata yang telah disediakan

untuk memenggal musuh-musuh Allah; dan sambil berjalan menuju ke medan perang Uḥud ia bermunajat:

((Tuhanku! Kasihanilah aku dengan mengizinkan hamba-Mu kembali ke hadapan-Mu di medan perang Uḥud; jangan kiranya Engkau suruh aku pulang kembali kepada keluargaku dengan hati yang kecewa...))

Begitulah ia berangkat – berangkat dengan ditemani oleh sahabatnya ‘Abdullāh ibn ‘Amru dan anak-anaknya menuju ke medan perang Uḥud, bukan untuk mencari pangkat atau kemegahan dan keperkasaan tetapi mencari syahid untuk menyempurnakan hidupnya sebagai manusia yang berbakti dan mengabdikan dirinya pada jalan Allah, menjadi tentera Allah.

Sebelum pergi ke medan perang ‘Amru ibn Jamūḥ memanggil anaknya Jābir lalu berpesan: ((Aku berharap, semoga hendaknya esok aku menjadi orang yang pertama gugur pada jalan Allah! Aku berpesan kepadamu, anakku, supaya baik-baik menjaga adik-adikmu yang perempuannya.))

Dalam masa angkatan perang Islam berjalan menuju ke medan perang Uḥud dan apabila angkatan itu sampai di suatu tempat tidak berapa jauh dari bandar Madinah dengan hasutan ‘Abdullāh ibn Ubayy, hampir-hampir sepertiga daripada tentera Islam telah berpatah balik ke Madinah dan mana-mana yang tinggal masih terus mengikut Rasulullah (SAW) menuju *jabal* Uḥud.

Perbuatan ‘Abdullāh ibn Ubayy ini menaikkan kemarahan ‘Abdullāh ibn ‘Amru dan kemudian ia mengajar ‘Abdullāh ibn Ubayy memperingatkannya tetapi peringatannya ini

tidak diendakkannya bahkan ‘Abdullāh ibn Ubayy menghasutnya pula tetapi ‘Abdullāh ibn ‘Amru setelah mengeluarkan kata-kata yang pedas kepada mereka yang memalingkan kenderaannya mengikut angkatan Rasulullah (SAW) ke medan perjuangan yang menjadi suatu riwayat yang besar di dalam sejarah Islam.

\* \* \*

Di dalam perjuangan ini, sebagaimana kita lihat di dalam sejarahnya adalah mulanya di dalam kemenangan Islam tetapi kerana ada sebahagian tentera Islam yang tamakkan rampasan perang Islam akhirnya berpecah dan mendedahkan sendiri kedudukan Rasulullah (SAW). Dalam masa kemajuan perjuangan itu ‘Abdullāh ibn ‘Amru telah menyerbu ke tengah-tengah pertahanan musuh-musuh menetak ke kiri dan ke kanan sehingga banyak perwira musuh-musuh yang dibunuhnya tetapi akhirnya ia jatuh kena panah musuh dan syahid.

Sesudah berpecah tentera Islam maka bendera Rasulullah (SAW) dikibarkan dan pahlawan-pahlawan sejati dengan gagahnya bertahan di bawah lambaiannya termasuk Nusaybah dan dua orang anaknya (cerita wanita ini akan disiarkan di belakang kelak - *insyā’ Allāh*).

‘Amru ibn Jamūḥ, dari jauh seakan-akan terdengar olehnya nyanyian malaikat (wahai orang yang telah memandang kecil dunia dan isinya, maju dan bertahanlah, hari ini adalah hari kamu) maju dengan tangkasnya ke hadapan. Ia bersama anaknya Khalid menyerbu kepada barisan musuh sehingga cita-cita disampaikan Allah: ia bersama anaknya gugur di dalam perjuangan itu bertindih badan dengan sahabatnya ‘Abdullāh ibn ‘Amru – dan bercampurlah darah keduanya.

Dalam masa hidup mereka berkasih sayang – tatkala hati bertindih badan dalam menunaikan seruan


Tuhan, dalam membela agama Allah! Setelah perang berhenti Rasulullah lalu di tempat mereka gugur itu dan baginda melihat keadaan mereka berdekatan itu dan di sampingnya terletak pula jenazah anaknya Khalid.

Rasulullah bersabda: ((Kebumikanlah dua sahabat ini di dalam satu kubur...))

Kemudian Nabi memandang kepada wajah ‘Amru ibn Jamūh dan baginda termenung seketika dan ketika baginda akan pergi dari situ baginda Rasulullah (SAW) bersabda: ((Demi Allah sesungguhnya aku telah melihat ‘Amru ibn Jamūh melangkah ke syurga dengan kakinya yang pincang itu.))

Demikianlah sejarahnya dua pahlawan Islam yang bersahabat yang telah bersedia setiap saat mencari peluang supaya ia syahid dan membela agama Allah. Inilah contohnya mujahid-mujahid Islam pada zaman Nabi! Inilah dia umat Islam yang sentiasa mencari mati dan menunggu mati – mati yang ditunggu mereka bukannya di tempat tidur tetapi di medan perjuangan berjihad menegakkan kalimah Tuhan. Mereka mencari mati untuk berbakti kepada Allah dengan tidak menghiraukan kemegahan dan kesedapan dunia kerana mereka telah mempunyai jiwa tauhid dan keyakinan bahawa hidup di dunia ini adalah untuk sementara – untuk suatu perjalanan yang akan menuju tempat yang kekal abadi.

\* \* \*



Pemandangan dalam suatu majlis ceramah yang telah diadakan di dewan Sams Avenue Community Sintor, Singapura, anjuran Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura. Penceramahnya: Profesor Kiyai Abdul Kahar Muzakkar mahaguru Islam Indonesia.